

19/01/1999

PPUM: Pemimpin dan harapan rakyat

Nassury Ibrahim

MEMBACA naratif Puisi Panjang Untuk Mahathir (PPUM), kamar fakir saya tiba-tiba didatangi oleh seorang lelaki tua ala Inggeris yang tidak pernah saya temui sebelum ini. Dia tidak bersuara dan di tangannya tergeggam sebuah hikayat yang pernah saya mesrai. Fikiran saya perlahan-lahan menerawang ke suatu zaman, memasuki kota ilmu yang dia bina dari pengalaman perjalanan dan tergambar jelas sikap dan perlakuan manusia penjajah dan dijajah.

Demikian, seakan itulah juga saya rasai setelah menghayati PPUM. Dinsman menjadi Abdullah Munsyi merakam kisah perjalanan diri, akal, budi dan perlakuan seorang pemimpin negara serta impian dan harapan rakyat jelata.

Memang menjadi tradisi budaya kita merakam setiap gerak peristiwa, lebih-lebih lagi peristiwa itu mempunyai pulangan iktibar yang besar sebagai pedoman generasi membina keharmonian hidup.

Kita mempunyai Hikayat Raja Pasai yang sangat relevan isinya sampai kini (dan akan datang), kita mempunyai Sejarah Melayu yang serba unik, Syair Burung Pingai, Syair Singapura Terbakar dan banyak lagi. Kita terhutang budi dengan Tun Sri Lanang, Raja Ali Haji, Hamzah Fansuri dan banyak lagi pujangga tidak bernama yang lahir dari bangsa kita, kerana daripadanyalah kita dapat mengenali sebahagian jati diri kita.

Malangnya, tradisi berpuisi dan merakam gerak peristiwa dalam masyarakat kita seakan terputus daripada perhatian pujangga kita kini. Puisi moden yang lahir merakam peristiwa secara ekspresif, tidak lengkap, tidak jelas dan bahkan kabur dan sukar untuk difahami.

Hal ini berlainan dengan Dinsman yang saya kenal sebagai manusia absurd, tidak pula mengabsurdkan puisinya dalam PPUM. Dengan gaya bersahaja dan berarus realisme, Dinsman merakam dan sesekali menterjemah serta mentafsir budi, fikir dan rasa yang datang dari dalam dan luar struktur kepemimpinan seorang manusia bernama Mahathir.

Bukan senang menjadi seorang pemimpin kerana dia juga akan menjadi musuh kepada kawan. Lebih rumit lagi menjadi pemimpin yang ada wawasan dan wawasan itulah melangkaui masa. Dia akan terdedah kepada musuh partai dan yang membimbangkan dia secara diam-diam dimusuhi kawan. Pengalaman terdedah dengan musuh lawan dan dimusuhi sahabat dialami Mahathir sepanjang lebih 15 tahun dia bergelar Perdana Menteri Malaysia.

Rumitnya pemimpin melaksanakan kepemimpinan dan menterjemahkan wawasan diri, demikian rumit juga rakyat berdepan dengan kepemimpinan pemimpin. Ada kalanya rakyat mudah menerima dan ada kalanya sebaliknya. Betapapun saya berpendapat, marah lebih 22 juta rakyat biasa tidak sama bahayanya dengan marah sahabat kerana rakyat Malaysia tidak mudah bertindak liar, tetapi sahabat lazimnya suka bertindak ganas dalam manisnya kata-kata.

Dalam PPUM, saya nampak Dinsman bersikap jujur. Dia memuji idolanya dan ada kalanya dia berterus terang membentangkan tanggapan orang lain yang lazimnya disembunyikan oleh sahabat. Inilah keberanian seorang seniman yang ada pada Dinsman yang sukar dicari pada banyak seniman lain masa kini. Bukan senang mengkritik pemimpin (apa pun jawatan dan kedudukan mereka), ahli korporat atau pihak berkuasa atau yang mempunyai kuasa yang lain, walaupun dengan jujur dan kritikan itu malah menguntungkan.

Mereka seakan tidak ada cacat celanya dan menjadi dewa yang maha sempurna. Pengkritik akan menerima taboo. Apalagi mengkritik ahli politik yang dikelilingi oleh pelbagai jenis parasit atau juak yang akan segera mengambil peluang mempertingkatkan status diri. Maka, kritikan yang dapat

diterima dengan rasional sudah tidak menjadi rasional lagi.

Dinsman cuba melawan kejahatan parasit dan juak apabila dia berani membentangkan budi, fikir dan rasanya yang juga adalah budi, fikir dan rasa rakyat.

Kata Dinsman, suatu waktu beberapa tahun lalu, sepanjang 1980-an, 'dia menjadi orang yang sangat sukar difahami' kerana suka mengganggu kemalasan dan kesejahteraan orang dan secara diam-diam dia pun dimusuhi: